

Pengeksport Malaysia Disaran Ambil Kesempatan Perkembangan Pasaran Produk LED Thai
Bernama
15 Februari, 2013

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) menggalakkan pengeksport lampu LED Malaysia supaya mengambil kesempatan terhadap permintaan yang besar bagi produk LED di Thailand.

Dalam satu kenyataan, Matrade berkata, Thailand terus menggalakkan penjimatan tenaga dan merancang untuk mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 20 peratus pada 2030.

"Pasaran lampu LED Thailand sekarang ini ialah kira-kira US\$27 juta atau 12 peratus daripada jumlah bahagian pasaran negara itu.

"Permintaan pasaran dijangka terus meningkat antara 30 peratus hingga 50 peratus pada 2015. Pasaran menunjukkan pertumbuhan positif dengan perolehan lebih US\$10 bilion pada tahun-tahun kebelakangan ini," katanya.

Pesuruhjaya Perdagangan Matrade di Bangkok, Niqman Rafee Mohd Sahar berkata Pihak Berkuasa Penjanaaan Elektrik Thailand, menyatakan bahawa cahaya LED dijangka berkembang pantas dengan beberapa dasar kerajaan yang menyokong untuk menggalakkan penggunaan lampu cekap tenaga dan teknologi mesra alam.

Beliau berkata ini menunjukkan lampu LED akan mempunyai pasaran menarik di negara itu pada masa depan.

Nigman berkata Pihak Berkuasa Elektrik Wilayah pula merancang untuk menggantikan semula sejuta lampu jalan di seluruh negara dengan mentol LED.

Beliau berkata sektor lain yang memerlukan lampu LED adalah projek-projek infrastruktur awam dan swasta termasuk pembinaan stadium baharu, dewan Parlimen, kawasan kediaman di bandar dan wilayah, kawasan perdagangan seperti pusat membeli belah, projek-projek hospitaliti dan hiburan.

"Syarikat-syarikat Malaysia perlu memberi tumpuan kepada keperluan produk LED dalam projek besar kerajaan Thailand, serta untuk meneroka dan menyokong pertumbuhan permintaan lampu LED dalam industri elektrik, elektronik, dan automotif," katanya.

Menurut Matrade, makroekonomi Thailand dipacu oleh pertumbuhan dalam perkakasan dan komponen elektronik terutamanya dalam permintaan produk LED bagi perkakasan

elektronik.

Tambahan pula, sebagai hab bagi sektor automotif di rantau ini dan trend baharu spesifikasi kereta yang memerlukan permintaan yang lebih tinggi dalam lampu automotif LED, pasaran dijangka berkembang.

Jumlah kereta dengan lampu LED akan berkembang daripada 1.5 juta tahun ini kepada lima juta pada 2015 dengan nilai komponen LED meningkat daripada US\$130 juta kepada US\$300 juta.

Tahun lepas, jumlah dagangan Malaysia dengan Thailand berkembang 5.4 peratus kepada RM74.01 bilion dengan pertumbuhan eksport yang positif sebanyak 5.5 peratus kepada RM37.71 bilion.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=928246>